

Ekonomi Bayangan

Ancaman Kelestarian Ekonomi Negara

Seiring dengan revolusi perindustrian 4.0, aplikasi teknologi mula menjadi pemangkin kepada perubahan persekitaran ekonomi dunia. Sistem perniagaan dan pekerjaan yang dahulunya dilakukan secara tradisional kini mula berubah kepada ekonomi gig yang berteraskan pembangunan aplikasi teknologi. Perubahan ini telah mencipta satu fenomena baharu menerusi trend pendigitalan yang mengubah tenaga kerja tradisional kepada platform baharu dengan potensi yang sangat tinggi dalam mewujudkan peluang pekerjaan, perluasan pasaran dan peningkatan kapasiti.

B elanjawan Malaysia mula menerapkan ekonomi digital sebagai satu daripada fokus utama. Begitu juga dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) yang turut memberikan tumpuan khas terhadap pengembangan ekonomi gig sebagai satu dimensi ekonomi baharu yang berupaya menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup masyarakat. Oleh itu, kerajaan mula memberikan tumpuan terhadap pembangunan aplikasi, infrastruktur dan kemudahan, serta masyarakat yang cakna akan digital.

Dari sudut percukaian, kewujudan ekonomi gig telah membawa kepada perluasan asas cukai melalui peluang yang cukup besar kepada masyarakat bagi menjana pendapatan. Dengan kos yang rendah dan keuntungan optimum, masyarakat kini berupaya untuk meneroka segenap peluang ekonomi baharu berteraskan teknologi.

Namun begitu, disebabkan sifat ekonomi gig yang terbuka dan sukar dikawal, isu pelarian cukai dan ketirisan hasil negara turut boleh berlaku kerana wujudnya aktiviti ekonomi bayangan. Ekonomi bayangan terjadi apabila transaksi perniagaan yang berlaku tidak direkodkan secara lengkap dan teratur sekali gus menjadi kesukaran kepada pihak berkuasa cukai untuk mengenakan cukai atas jumlah pendapatan sebenar yang diterima. Biarpun undang-undang percukaian jelas menyatakan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh entiti yang menjana pendapatan di negara ini, namun masih terdapat segelintir masyarakat yang kurang kesedaran terhadap peri pentingnya sumbangan mereka kepada kelangsungan ekonomi negara.

Menyedari hakikat bahawa isu ekonomi bayangan perlu dibanteras dengan sebaiknya, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) tampil dengan pelbagai tindakan dan inisiatif bagi memastikan hasil negara ditadbir secara optimum. Bermula dengan garapan pendidikan hinggalah penguatkuasaan undang-undang, segenap entiti pembayar cukai disantuni untuk memastikan setiap daripada mereka melunaskan tanggungjawab kepada negara.


HASiL juga telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan e-Invois yang menjadi satu projek nasional ke arah pentadbiran cukai langsung yang lebih efektif. Melalui pelaksanaannya secara berfasa, iaitu fasa pertama pada 1 Ogos 2024, fasa kedua pada 1 Januari 2025, fasa ketiga pada 1 Julai 2025 dan pelaksanaan sepenuhnya pada 1 Januari 2026, setiap perniagaan perlu merekodkan transaksi jual beli dalam bentuk digital sekali gus menjadikan sistem pentadbiran cukai menjadi lebih teratur dan efisien. Peningkatan kecekapan ini diyakini mampu menyumbang kepada peningkatan kadar pematuhan dalam kalangan masyarakat. HASiL menjangkakan saiz ekonomi bayangan dan ketirisan cukai dapat dikurangkan seiring dengan objektif utama pelaksanaan e-Invois.

Melalui pelaksanaan e-Invois, segala nota debit dan kredit akan didigitalkan serta dihubungkan terus dengan HASiL secara dalam talian. Dengan itu, sebarang transaksi palsu dan tidak setara dengan nilai transaksi yang sebenar dapat dikenal pasti dan diambil tindakan pemantauan. Manfaat e-Invois bukan untuk mengekang aktiviti pemalsuan dokumen sahaja, sebaliknya turut bertindak secara “serampang dua mata” apabila agenda nasional ini juga berupaya untuk memudahkan urusan pembayar cukai mengemukakan borang nyata cukai masing-masing pada masa hadapan. Tambahan pula rekod dan dokumen belian dan pelepasan cukai akan disimpan secara dalam talian dan boleh diakses apabila diperlukan tanpa kebimbangan dokumen tersebut rosak atau hilang. Kecekapan dan kemampuan e-Invois telah terbukti berdasarkan pelaksanaannya yang telah bermula sejak tahun 2001 di beberapa buah negara termasuk China, Mesir, Brazil, Perancis, Itali dan Arab Saudi.

Usaha untuk memerangi ekonomi bayangan tidaklah semudah yang dijangka, bahkan kerjasama masyarakat amatlah diperlukan untuk menjadi “mata-mata” kepada HASiL sekiranya terdapat pelarian cukai yang nyata. Seiring dengan matlamat untuk menjadi pentadbir cukai yang terunggul, HASiL memberikan jaminan agar setiap hasil negara dapat dimanfaatkan kembali oleh masyarakat secara adil dan saksama. ▶



MAKLUM BALAS



Imbas QR untuk mengisi
borang maklum balas



KINI LEBIH MUDAH

➤ Sila pastikan semua maklumat
diisi dengan tepat untuk
memudahkan proses semakan



www.hasil.gov.my 03-8911 1000 facebook.com/HASILMalaysia hasil_malaysia @HASIL_Malaysia @HASIL_Malaysia @hasil_malaysia

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT